

# Dasar pandang ke Timur BUKA TIRU MEBA BI BUA TAPI...

Oleh A.KADIR JASIN

SEJAK Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan beberapa bulan lalu supaya Malaysia "memandang ke timur" bagi mencari pengalaman dan tunjuk ajar, satu kesan saikologi telah wujud bahawa semua yang bersangkutan dengan umur itu adalah baik.

Lebih dari itu, terdapat juga anggapan bahawa 'barat' tidak lagi mempunyai sebarang faedah bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia.

Kedua-dua tanggapan atau cara pemikiran ini adalah salah. Pengalaman menunjukkan bahawa tidak semua perkara yang bersangkutan dengan negara Jepun atau Korea Selatan adalah baik dan tidak semua mengenai barat adalah buruk dan merosakkan.

"Look east" atau pandang ke timur seperti yang diajukan oleh Dr. Mahathir itu mempunyai falsafah dan pengertian yang lebih dalam dan terperinci dari yang diheboh-hebohkan oleh setengah-setengah pihak.

## Terbaru

Apabila yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri ialah supaya segenap lapisan rakyat Malaysia mempelajari dan mencontohi aspek-aspek kehidupan, kesesuaian, ekonomi dan teknologi Jepun dan Korea yang boleh memberi kesan yang baik atau positif kepada mereka dan negara.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa negara Jepun adalah contoh terbaru dan paling sesuai menunjukkan bagaimana melalui usaha yang tekun, kejayaan dan teta-tertib, sebuah negara yang hampir-hampir hancut disebabkan perang berjaya muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi yang teragung di dunia.

Hari ini, melalui daya pengeluaran di bidang pengilangan dan pembuatan yang tinggi dan pembalikan berterusan teknologi yang berkalian dengannya, Jepun bukan sahaja berjaya menandingi negara-negara perusahaan barat malah di dalam industri-industri tertentu mengatasi negara-negara tersebut.

## Kalah

Di bidang pembuatan kereta contohnya, Jepun begitu berjaya hingga sudah dianggap ancaman oleh negara-negara perusahaan barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat dan Perancis.

Di bidang elektronik seperti pembuatan jam, radio, televisyen dan komputer kecil dan sederhana, negara-negara barat yang mengasaskan teknologi-teknologi ini sudah lama mengukuh kalah.

Adalah diramalkan bahawa jika aliran kemajuan dan ekonomi yang ada sekarang ber-

terusan, Jepun akan muncul di akhir tahun lapan-puluhan ini sebagai negara pembina kapal terbang yang utama, mengambili tempat Amerika Syarikat dan Eropah.

Sebelum kita mencungkil rahsia kejayaan Jepun dengan lebih mendalam, biarlah terlebih dulu difahami butir-butir asas mengenai negara matahari terbit ini.

Jepun mempunyai keluasan 372,000 kilometer persegi dan mempunyai penduduk kira-kira 116 juta berbanding dengan Malaysia dengan keluasan 330,000 kilometer persegi dan penduduk seramai 13 juta.

Apabila yang menakutkan ialah Jepun tidak mempunyai kekayaan alam seperti logam, arang batu, petroleum. Ia terpaksa mengimport kesemua bahan ini.

## Terkuat

Satu-satunya harta atau "aset" yang didapati begitu banyak di Jepun ialah penduduk yang tekun, berdisiplin dan berdedikasi. Malahan di tahun-tahun awal pembangunan ekonomi lepas perang Jepun terpaksa berutang dan meminjam dari negara-negara lain.

Apabila ia tumpang di dalam perang dunia kedua, Jepun menjadi sebuah negara "pengemis" yang bergantung kepada bantuan luar, terutama dari negara-negara sekutu.

Tetapi kekalahan di medan peperangan dan penghinaan yang dideritali selepas itu tidak melemahkan semangat orang-orang Jepun. Di dalam masa yang singkat mereka merubah negara mereka kepada sebuah kuasa ekonomi yang terkuat di dunia.

Menyedari hakikat bahawa negara mereka tidak mempunyai sumber alam tetapi terus terpaksa bersaing dengan negara-negara lain yang bernasib baik di dalam pengeluaran dan pemasaran barang-baruan buatan kilang, pekerja-pekerja dan majikan Jepun membuat banyak pengorbanan di tahun-tahun awal kebangkitan negara itu.

## Perhatian

Salah satu cara menandingi negara-negara perusahaan lain di pasaran dunia, terutamanya negara-negara yang mempunyai tanah jajahan seperti Britain dan Perancis, pekerja-pekerja Jepun sedia menerima gaji yang lebih rendah sementara majikan pula berpuas hati dengan keuntungan yang kecil semata-mata untuk mengurangkan kos pengeluaran dan harga jualan barang-baruan buatan mereka.

Walaupun mutu barang-baruan buatan mereka mulanya tidak begitu baik, harganya jauh lebih rendah dari harga barang-baruan dari Britain, Amerika atau Perancis. Malah barang-baruan buatan Jepun dipersedikan sebagai barang-baruan tidak bermutu.

## \$NOTA RINGGIT

Pada awalnya ia menunjukkan perhatian kepada barang-baruan yang mudah dikeluarkan bermula dari barang kecil dari plastik kepada kain dan pinggan-mangkuk.

Cemuh dan senda negara-negara maju tidak mematahkan semangat dan ketekunan orang-orang Jepun. Mahan ini mengukuhkan lagi azam mereka.

Dengan memerhati dan mempelajari dari negara-negara lain, satu proses yang sukar kerana Jepun dicuriga selepas perang dunia kedua dan amat sedikit rakyatnya yang faham lain dari Bahasa Jepun — ia mengumpul dan memperbaiki teknologi asing.

Apabila yang menakutkan ialah apa yang orang lain boleh buat, orang-orang Jepun boleh buat dengan lebih baik dan cekap. Teknologi-teknologi yang dimajukan di negara-negara barat tetapi tidak digunakan, diimport dan dimajukan oleh Jepun.

Contoh paling nyata dari keupayaan istimewa orang-orang Jepun memperbaiki teknologi yang sedia wujud ialah di bidang pembuatan jam. Walaupun sebahagian besar dari teknologi asal pembuatan jam dimajukan di Switzerland dan lain-lain negara Eropah, Jepun hari ini muncul sebagai pengeluar jam yang terbesar dan termoden di dunia.

## Kepakaran

Ia juga mencapai kemajuan yang sama di bidang pembuatan kamera yang satu masa dulu menjadi kepakaran negeri Jerman dan di akhir-akhir ini di bidang alat pandang-dengar dan komputer.

Pucuk-pangkal kepada kemajuan negeri Jepun sekarang ialah sikap penduduk-penduduknya yang tekun, berinisiatif dan berani.

Orang-orang Jepun lazimnya meniru sesuatu perbuatan atau barang hanya jika mereka yakin bahawa dengan berbuat demikian mereka akan mendapat kebajikan.

Semangat yang sama juga telah menjadikan Korea Selatan, negara yang teruk di jejas perang di awal tahun lima-puluhan, maju di banyak bidang. Seperti juga Jepun, ia tidak mempunyai banyak sumber alam.

Dengan kawasan seluas 98,000 kilometer persegi — lebih kecil dari negeri Sarawak — ia menampung penduduk seramai 38 juta. Tetapi ia mempunyai lebih tinggi dari Malaysia.

Dengan mempelajari contoh-contoh yang terdapat di Jepun, ia mengorak langkah memajukan bukan sahaja bidang pertanian tetapi juga perindustrian. Sama juga halnya seperti orang-

orang Jepun, orang-orang Korea bekerja kuat dan berdisiplin.

Dengan kekayaan yang ada padanya, tidak ada sebab kenapa Malaysia tidak boleh menjadi negara maju seperti yang diimpikan oleh pemimpin-pemimpinnya, terutama Datuk Seri Dr. Mahathir yang menyuarakan supaya rakyat negara ini mencontohi kedua buah negara timur itu.

Tetapi sebelum sumber-sumber alam yang banyak ini dapat digunakan dengan jaya, rakyat Malaysia perlu terlebih dulu mengubah sikap dan memperbaiki disiplin mereka. Salah satu sikap yang perlu diubah ialah kecenderungan rakyat Malaysia meniru sesuatu, terutama yang datang dari luar, dengan membuta-tuli.

No. Siri 2691  
No. Penerimaan 336/85